

10/09/1998

Tindakan drastik untuk menjaga maruah bangsa

Faizal Fadzil

SEJARAH kebangkitan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sehingga ke kemuncak kegemilangannya tidak pernah dipisahkan dengan kebangkitan Islam di negara ini. Meskipun Anwar tidak pernah dianugerahkan sebarang sijil rasmi bagi melayakkan beliau menjadi ulama atau tok guru, perjuangannya yang sentiasa bertunaskan Islam menggerakkan ramai pengikut, penyokong dan peminatnya menganugerahkan gelaran 'Pak Sheikh' kepada beliau - setaraf dengan intipati perjuangannya.

Ketokohnya pada peringkat kebangsaan memimpin gerakan pelajar berlandaskan Islam mula terserlah sejak beliau berusia 21 tahun lagi apabila dipilih menerajui Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) pada 1968.

Pada usia 24 tahun, Anwar bersama-sama rakannya melakar sejarah penting dalam sejarah kebangkitan Islam di negara ini apabila menubuhkan Muslim Islamic Youth Movement yang kini dikenali sebagai Angkatan Belia Islam Malaysia atau nama popularnya Abim.

Meskipun ketika penubuhan Abim pada 1971, sudah wujud kumpulan dakwah yang melata di negara ini, pentingnya Abim dianggap satu gerakan Islam yang memperjuangkan Islam sebagai addin atau cara hidup menyeluruh yang sebenar.

Perjuangannya ialah untuk mengabadikan ajaran Islam dalam seluruh kehidupan umat Islam hingganak penulis seperti Victor J Morais menyifatkan Abim berjaya memberi perubahan sejati kepada kumpulan dakwah lain yang ketika itu lebih cenderung untuk mengasingkan diri daripada masyarakat.

Selepas pelantikannya sebagai Presiden Abim, Anwar mula melaungkan dasar pelaksanaan Islam dalam lapangan sosial dan ekonomi. Penyertaannya dalam Umno pada 1982 melalui pujukan dan pengaruh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan laluan kepadanya untuk mengusahakan penghayatan laungannya itu ke dalam pemerintahan selaras dengan hasrat kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran.

Institusi seperti Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ditubuhkan tidak lama selepas beliau menyertai kerajaan. Dr Mahathir sendiri sudah lama menitikberatkan usaha mengimbangi kemajuan kebendaan dengan penghayatan nilai-nilai kerohanian.

"Dengan cara memulihkan kembali ajaran Islam inilah, yang membuatkan Anwar bersetuju dengan Dr Mahathir. Dan Islam juga berfungsi sebagai pembela dan penyokong perjuangan individu sebagai satu kuasa dinamis bagi pembangunan negara, yang menyebabkan Anwar memegang kedudukan penting dalam rancangan politik Perdana Menteri," kata Morais dalam bukunya Anwar Ibrahim: Cekal dan Tabah.

Pada peringkat antarabangsa, Anwar disifatkan sebagai tokoh pejuang Islam terkemuka yang sering dianggap pemimpin negara yang menjadi 'sahabat dan anak murid' kepada tokoh ulama Islam terkemuka dunia seperti Ismail Al-Faruqi dan Yusuf Al-Qardawi.

Bibirnya juga tidak pernah lekang daripada memetik kata-kata hikmat dan pujangga tokoh agama terkemuka seperti Malek Bennabi dan Al-Sheikh Muhammad Al-Ghazali dan nama-nama besar dalam gerakan Islah sedunia abad ini seperti Hassan Turabi, Abu Ala al-Maududi, Syed Qutub dan Hassan Al Banna.

Begitu gah sekali nama Anwar dalam dunia Islam antarabangsa sehingga beliau pernah dilantik sebagai peneraju beberapa badan Islam sedunia termasuk Ketua Jabatan Belia Majlis Islam Antarabangsa; ahli jawatankuasa

Pertubuhan Belia Islam Sedunia (Wamy) dan Pertubuhan Pelajar Persekutuan Islam Antarabangsa (IIFSO) di peringkat Asia Pasifik; Ahli Lembaga Pengurus Yayasan Kebajikan Islam Sedunia dan Ahli Jawatankuasa Majlis Masjid Sedunia.

Begitulah kehebatan insan yang bernama Anwar Ibrahim pada mata masyarakat Malaysia dan dunia - idealismenya hanyalah perjuangan Islam yang diyakininya mampu membela kepentingan ummah sejagat, bangsa dan negara.

Justeru, apabila nama `Anwar Ibrahim' kini dikaitkan dengan pelbagai tuduhan dan dakwaan skandal seks termasuk liwat - kegiatan yang tersenarai pada takuk paling hina bagi Islam dan rakyat Malaysia yang berpegang teguh kepada ajaran Islam di samping adab dan nilai murni budaya timur yang bermaruah - Dr Mahathir dengan berat hati terpaksa bertindak memecat beliau daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri sekali gus beberapa jawatan pimpinan negara lain bagi menyelamatkan maruah bangsa dan negara.

"Saya sedih keadaan menjadi begini... saya bercadang untuk bersara pada tahun ini. Saya bercuti tahun lalu bagi memberi dia (Anwar) peluang untuk memimpin negara. Kalau tidak kerana masalah ekonomi, saya sudah bersara," katanya pada sidang media semalam selepas menjelaskan bahawa Anwar dipecat kerana isu moral. Kata Dr Mahathir lagi: "Perwatakannya tidak layak untuk menjadi pemimpin di negara seperti Malaysia".

Selepas 17 tahun memimpin negara ini, Perdana Menteri amat memahami nurani rakyat Malaysia amat jauh berbeza dengan rakyat Amerika - warga Malaysia menimbang kewibawaan pemimpin berasaskan pertimbangan moral dan maruah agama selain rekod kerja yang cemerlang, tetapi bagi rakyat Amerika, dosa peribadi berasaskan akhlak dan moral, boleh dipadam dengan rekod kepemimpinan yang telah teruji.

Anwar bukan `menteri biasa' yang naik berdasarkan prestasi kerja yang cemerlang semata-mata. Sebaliknya, beliau adalah `pemimpin luar biasa', bakal peneraju kepemimpinan negara, berdasarkan kemampuannya mencanangkan pelaksanaan pendekatan Islam dalam usaha mewujudkan bangsa Madani yang hebat dan maju - satu strategi yang dihormati oleh masyarakat Islam dan bukan Islam, di dalam dan luar parti pemerintah.

Justeru, Perdana Menteri bertindak pantas memecat beliau daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan ahli Umno yang sekali gus menyebabkan beliau kehilangan jawatan Timbalan Presiden Umno berdasarkan bukti yang diterima dan diyakini beliau, hanya untuk memastikan pemimpin yang bakal menjadi peneraju parti Melayu Islam terbesar dunia itu, bukan dari kalangan individu yang tercemar imejnya baik dari sudut agama Islam atau moral.

Apatah lagi jika individu itu adalah pemimpin negara yang paling kuat mewar-warkan keunggulan Islam baik di atas mimbar khutbah mahupun persada politik negara.

Dr Mahathir jelas memegang teguh kepada prinsip popular yang diperkenalkannya `pemimpin bukan saja dikehendaki bersih tetapi mesti kelihatan bersih'. Tindakan drastik demikian itu dipandang perlu dilakukan kerana Anwar adalah bakal menjadi Perdana Menteri apabila Dr Mahathir berundur dan ketika itu tiada siapa boleh bertindak terhadap salah laku itu.

(END)